

ARAHAN:

Seret jawapan di ruangan yang betul.

kegigihan

prihatin

bekerjasama

semangat bermasyarakat

Mari Membaca

Hadif sedang membaca buku cerita kanak-kanak tentang masyarakat rama-rama yang bijak. Hadif membaca melalui e-buku di Zon Kanak-kanak.



"Jom kita mencari sarapan di ladang sana," ajak Rerama Biru kepada rakan-rakannya. ———— ■ Nilai murni: setia kawan

"Baiklah, kami juga sudah lapar. Lagipun, petang semalam hujan turun dengan lebatnya. Kami tidak dapat mencari manisan daripada bunga-bunga di sana," kata Rerama Kuning mewakili rakan-rakannya yang lain.


Mereka pun terus terbang bersama-sama menuju ke ladang bunga di kaki gunung. Apabila tiba di sana, keadaan sudah berubah. ———— ■

"Eh, bunga-bunga di sini semakin sedikit! Dua hari lepas, keadaannya tidak seperti ini," kata Rerama Biru.

"Tidak mengapa. Selepas menghisap madu, **kita boleh menolong bunga-bunga ini menyebarkan debunganya** ———— ■ ke sekitar kawasan ladang ini," kata Rerama Merah.

"Baiklah. **Mari kita mulakannua bersama-sama,**" ajak Rerama Biru. ———— ■

Mereka pun sibuk terbang ke merata-rata tempat di kawasan ladang tersebut. Beberapa minggu kemudian, ladang tersebut mulai cantik dan berwarna-warni dengan pelbagai jenis bunga. Bekalan manisan untuk mereka pun bertambah. ———— ■



Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



Kamu membaca buku cerita apa, Hadif? Ceritakannya kepada saya.

Saya membaca kisah _____